



**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**  
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,  
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,  
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK,  
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM.  
TEL : 03-5514 3400 / 3600, FAX : 03-5512 6001  
e-mail : ict@jais.net.my http://www.jais.gov.my



**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

Ruj.Kami : Bil.(36)dlm.JAI.SEL.BPM/  
01/ 006/1

*Assalamualaikum wr. wbt.*

Tarikh : 3 September 2010M  
24 Ramadhan 1431H

### **SEMUA NAZIR MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR**

Tuan,

#### **ARAHAN UNTUK MENYAMPAIKAN KHUTBAH YANG DI SEDIAKAN OLEH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR DAN TIDAK MENGGUNAKAN KHUTBAH JUMAAT SEBAGAI MEDAN BERPOLITIK**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan Nazir bahawa teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan ini adalah teks khutbah yang telah di bincang dan disemak oleh Jawatankuasa Panel Khutbah. Keanggotaan Jawatankuasa tersebut adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang seperti bidang Al-Quran, Al-Hadith, Bahasa Arab dan hukum hakam.

2. Sejak akhir-akhir ini, Jabatan ini telah menerima beberapa aduan, terdapat dikalangan Khatib yang dilantik tidak menggunakan teks yang disediakan dan terdapat juga mereka yang menokok tambah kandungan teks khutbah berkenaan. Terdapat juga Nazir yang membenarkan Khatib dari luar yang tidak mempunyai tauliah untuk menyampaikan khutbah Jumaat yang jelas melanggar arahan MAIS.

3. DYMM Sultan Selangor amat dukacita dengan aduan-aduan berkenaan dan menitahkan supaya para Khatib hendaklah menyampaikan teks khutbah yang disediakan oleh Jawatankuasa Panel Khutbah. **Bersama-sama ini dilampirkan salinan surat dari Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan Selangor untuk perhatian dan tindakan tuan.**

4. Diharapkan supaya arahan ini dapat dilaksanakan bagi mengelakkan kekeliruan dan keresahan di kalangan jemaah serta memastikan masjid dijadikan tempat perpaduan ummah. Tindakan tegas akan di ambil ke atas mana-mana Nazir dan AJK Masjid yang gagal melaksanakan arahan ini.



Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**“BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HJ. MOHAMMED KHUSRIN BIN HJ. MUNAWI)**

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Selangor.

S.k - Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor

- Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
- Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam



Dato' Lela Bakti  
Setiausaha Sulit Kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor.  
Dato' Lela Bakti  
Private Secretary to H.R.H. The Sultan of Selangor.  
Istana Bukit Kayangan  
40000 Shah Alam, Selangor,  
Malaysia.



Tel: 603-5519 3232  
603-5519 3535  
Fax: 603-5510 6287

بِقَابِلِ دَوْلِي بِيخِ مَهَامِلِيَا سُلْطَانِ سِلَاغُورِ

Ruj. kami : ( 64 ) dlm. Pej. DYMM. Sul. Sel. M/3/01. Jld. 18

Tarikh: 30 Ogos 2010

Sahibus Saadah  
Y.Bhg. Dato' Hj Mohammed Khusrin bin Hj Munawi  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor  
Tingkat 1, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK,  
Seksyen 5, 40676 SHAH ALAM

Y.Bhg. Dato',

**TITAH D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR SUPAYA MASJID-MASJID DAN SURAU DI SELANGOR SERTA KHUTBAH JUMAAT TIDAK DIPOLITIKKAN**

Adalah saya dengan hormatnya menjunjung titah D.Y.M.M. Sultan Selangor memaklumkan bahawa Baginda menitahkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor supaya dapat menghantar surat peringatan kepada Nazir dan Imam-Imam masjid dan surau-surau di Negeri Selangor ini supaya tidak menjadikan masjid dan surau-surau sebagai tempat berpolitik dengan membenarkan penceramah-penceramah yang tidak bertauliah daripada luar mengadakan ceramah-ceramah yang berbentuk politik di masjid dan surau-surau di Selangor.

2. D.Y.M.M. Sultan Selangor juga menitahkan supaya para Khatib yang membaca Khutbah Jumaat hendaklah memastikan Khutbah yang dibaca tidak berbentuk syarahan politik atau menyelitkan unsur-unsur fitnah atau memburuk-burukan sesuatu parti politik atau individu yang boleh menimbulkan kebencian dan ketidakselesaan para jemaah. Khutbah Jumaat hendaklah dibacakan mengikut apa yang telah dituliskan dan disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor.

3. Oleh yang demikian, D.Y.M.M. Sultan Selangor menitahkan supaya pihak JAIS dapat memastikan titah Baginda tersebut dipatuhi dan sekiranya terdapat masjid-masjid dan surau di Selangor ini yang tidak mematuhi titah Baginda tersebut hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya


4. Kerjasama Y.Bhg Dato' dalam menyempurnakan titah D.Y.M.M. Sultan Selangor ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.



**“BERKHIDMAT UNTUK RAJA, RAKYAT DAN NEGARA”**

Saya yang menjunjung titah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Munir Bin Bani', written in a cursive style.

**(DATO' HJ. MOHAMAD MUNIR BIN BANI)**





## PEMBERITAHUAN

Menjunjung Titah Perintah  
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj  
yang menitah dan mengingatkan kepada pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid bahawa:

### 1. Pemegang Amanah Tunggal

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam negeri selangor.  
*Seksyen 96 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

### 2. Penggunaan Masjid

Masjid - Masjid di negeri Selangor hendaklah digunakan sebagai:

- Tempat untuk orang-orang Islam beribadat, terutamanya untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan solat jumaat;
- Pusat kegiatan Agama Islam dan penyebaran dakwah; dan
- Pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang MAIS dan maklumat lain.

Masjid tidak boleh digunakan sebagai:

- Gelanggang politik yang boleh menyakiti dan memecahbelahkan perpaduan ummah
- Hotel, rumah tumpangan atau tempat penginapan.

*Kaedah 34 (1) dan (2), Kaedah - Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

### 3. Tauliah Ceramah Dan Mengajar

Penceramah di masjid - masjid hendaklah mempunyai tauliah dan mana - mana orang yang mengajar tentang Agama Islam atau perkara - perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua - duanya sekali.

*Seksyen 119 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

### 4. Menjaga adab - adab semasa di dalam masjid seperti:

- Solat Tahiyatul Masjid dan Niat Iktikaf
- Sentiasa menyebut nama Allah
- Menghentikan percakapan berunsur cacian, menfitnah menyakiti hati dan menghina Islam

### 5. Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah

- Setiap masjid hendaklah ditadbirkan oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah

*Kaedah 6 (1), Kaedah - kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

- Nazir sesuatu masjid hendaklah mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid

*Kaedah 15 (a), Kaedah - kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

- Dalam melaksanakan tugasnya, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

*Seksyen 103, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

*Kaedah 6 (4), Kaedah - kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

### 6. Menghina Pihak Berkuasa Agama

Mana - mana orang yang bertindak dengan cara menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan -

- Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
- Mufti, yang dinyatakan atau diberikan fatwa,

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua - duanya.

*Seksyen 12 (a), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995*

"Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor turut menitah dan berpesan kepada semua orang  
Islam khususnya orang Melayu sentiasa mengeratkan perpaduan dan persefahaman"

Sebarang aduan sila hubungi :  
Hotline: 1 - 800 - 2424 (Penguatkuasa JAIS)  
SMS: 019 - 6565 400  
Email: mail@mais.gov.my  
Laman web: www.mais.gov.my  
18 September 2009  
28 Rmadhan 1430H

PENGERUSI,  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

DATO' SERI UTAMA DIRAJA  
MUFTI SELANGOR

PENGARAH,  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



## PEMBERITAHUAN


**Menjunjung Titah Perintah  
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor  
Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj  
yang menitahkan bahawa:**

Orang bukan Islam tidak dibenarkan untuk memasuki ruang solat utama semua masjid dan surau dalam negeri Selangor atau mengadakan apa-apa acara di dalamnya.

Mana-mana orang yang didapati bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan titah DYMM Sultan Selangor ini boleh didakwa di bawah seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

  
.....  
Pengerusi  
Majlis Agama Islam Selangor

  
.....  
Dato' Seri Utama Diraja  
Mufti Selangor

  
.....  
Pengarah  
Jabatan Agama Islam Selangor

Sebarang pertanyaan sila hubungi:  
Hotline: 1-800-88-2424 (Penguatkuasa JAIS)  
SMS: 019-6565 400  
Email: mail@mais.gov.my  
Laman web: www.mais.gov.my

28 Ogos 2010  
18 Ramadhan 1431H